

05 NOV 2002

SIDANG KEMUNCIAK ASEAN TERAKHIR BAGI DR M

PHNOM PENH, 5 Nov (Bernama) -- Adakah Sidang Kemuncak Asean Ke-8, yang berakhir di sini hari ini, merupakan yang terakhir bagi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad?

Pemimpin Malaysia itu sendiri tidak memberikan jawapan pasti apabila ditanya oleh para wartawan asing pada sidang media beliau pada akhir sidang kemuncak dua hari itu.

"Saya tidak tahu sama ada ini adalah yang terakhir. Barangkali, mesyuarat tahun lepas mungkin diadakan sebelum saya bersara.

"Sekiranya saya masih belum bersara, mungkin saya akan hadirinya. Tetapi sekiranya saya tidak sihat, saya tidak akan hadirinya," katanya.

Dr Mahathir telah mengumumkan bahawa beliau akan bersara pada Oktober tahun depan.

Sidang Kemuncak Asean Ke-9 dijadual pada 7 dan 8 Okt di Bali, Indonesia tahun depan.

-- BERNAMA

MAM TCL AZH RHM